

SIARAN AKHBAR

Untuk Hebahan Segera

PROGRAM ASPIRASI GEMILANG 'A' TERUS BANTU KANAK-KANAK GAPAI IMPIAN Bengkel Cetus Semangat Pelajar Peroleh 5A Dalam UPSR

Kuala Lumpur, 19 Ogos 2014 – ChildrenCare meluaskan lagi usaha membantu kanak-kanak mencapai kejayaan dalam peperiksaan awam melalui program Let's Score 'A' Workshop, yang berlangsung Sabtu lalu selaras dengan Program Aspirasi Gemilang 'A'. Seramai 116 pelajar dari Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah, Cheras serta SK Bandar Tun Razak 1 dan SK Jalan Pasar 2 menghadiri program tersebut. Setiap peserta menerima satu set buku latihan UPSR terbitan Berita Harian yang ditaja oleh Great Eastern Life ChildrenCare. Set buku soalan UPSR tersebut juga akan diberikan kepada calon-calon UPSR yang berada di rumah kanak-kanak di bawah penyeliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh Malaysia. "Ini merupakan salah satu inisiatif kami dalam membantu kanak-kanak ini mempersiapkan diri bagi menghadapi peperiksaan tidak lama lagi. Kami berharap mereka dapat melakukan pecutan terakhir untuk menggapai impian memperoleh 5A dalam peperiksaan nanti kerana kami begitu berbesar hati untuk memberikan ganjaran di atas usaha gigih yang telah dilakukan," ujar Dato Koh Yaw Hui, Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life.

Great Eastern Life ChildrenCare yang dilancarkan pada tahun 1995 adalah kerjasama erat bersama JKM sebagai inisiatif untuk memupuk semangat prihatin dan perkongsian di kalangan kakitangan dan kumpulan agensi. Seajar dengan penjenamaan baharu Great Eastern Life sebagai sebuah Syarikat yang menerajui Kehidupan, ChildrenCare memberi tumpuan kepada tiga aspek utama bagi membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik untuk hidup sihat dan bermakna yakni pendidikan, kesihatan dan pembangunan peribadi.

Pada Ogos 2013, ChildrenCare telah melancarkan Program Aspirasi Gemilang 'A' yang memberi ganjaran RM100 untuk setiap 'A' yang diperoleh kanak-kanak di bawah penyeliaan (JKM) dalam peperiksaan awam iaitu UPSR, PMR atau SPM. Program ini memanfaatkan hampir 500 pelajar sekolah yang menerima buku rujukan, buku latihan dan alat tulis di dalam membantu persiapan mereka menghadapi peperiksaan. Program yang dirasmikan oleh Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini menunjukkan hasil yang memberangsangkan apabila seramai 50 pelajar memperoleh jumlah keseluruhan 108A di dalam peperiksaan awam mereka tahun lepas berbanding tahun 2012 di mana seramai 30 pelajar memperoleh jumlah 53A secara keseluruhan.

Usaha yang dilakukan oleh Great Eastern Life melalui projek tanggungjawab korporat sosialnya mendapat pujian dari Dato Sri Rohani Abdul Karim. "Kerjasama strategik di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) dan Great Eastern Life adalah untuk menggalakkan dan memberi motivasi kepada kanak-kanak ini untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan. Saya berharap program jangka panjang ini akan terus memberi inspirasi kepada kanak-kanak dalam menuju kejayaan dalam kehidupan", ucap beliau ketika majlis penyampaian hadiah yang diadakan di 1Utama Shopping Centre pada bulan April lepas.

Sepanjang 19 tahun penubuhan, sebanyak RM2.0 juta telah didermakan kepada lebih daripada 180 rumah kebajikan di seluruh Malaysia melalui ChildrenCare bagi membantu mencapai perubahan yang hebat dan berkekalan dalam kehidupan kanak-kanak ini. Selain daripada kutipan dana dan pendermaan, ChildrenCare juga disokong oleh sukarelawan "I-Pledge" yang terdiri daripada kakitangan Great Eastern yang secara sukarela meluangkan waktu lapang mereka demi menjayakan aktiviti-aktiviti amal untuk menolong kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Aktiviti-aktiviti yang memberi tumpuan kepada tiga aspek utama tersebut, bukan hanya direka sebagai sesuatu yang menyeronokkan malah mempunyai elemen-elemen motivasi dan inspirasi. Antara projek-projek ChildrenCare yang telah dilaksanakan adalah "Together We Experience Nature", "Going Green with Effective Microorganisms", "Reading To The Blind", "ChildrenCare Camp with Children of Aborigines", "Fun and Easy Learning English", "ChildrenCare Arts and Crafts Day", dan lain-lain.

<Tamat>

MENGENAI GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Great Eastern telah memulakan operasinya pada tahun 1908 sebagai sebuah cawangan Great Eastern Life Assurance Company Limited. Operasi di Malaysia kemudiannya telah diperbadankan iaitu Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad di bawah Skim Pemindahan Perniagaan. Syarikat telah dianugerahkan sebagai penerima "The Oldest and Largest Life Insurer" di Malaysia oleh 'The Malaysia Book of Records' pada tahun 1998.

Dengan hampir dari seabad pengalaman dan asas kewangan teguh, Great Eastern kini mempunyai aset berjumlah RM63.5 bilion, memiliki lebih dari 2.9 juta polisi berkuat kuasa dan 17,000 orang ejen di seluruh negara pada 31 Disember 2013. Hingga kini, Great Eastern mempunyai 21 cawangan dan antara produk-produk syarikat terdiri daripada pelan perlindungan insurans hayat, pelan berkait pelaburan, perlindungan pinjaman perumahan, perlindungan perniagaan, kebajikan pekerja, insurans perubatan dan skim faedah kesihatan berkumpulan. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Great Eastern Holdings Limited (GEH) dan syarikat induk iaitu Oversea-Chinese Banking Corporation Limited (OCBC).

Untuk keterangan lanjut, sila layari greateasternlife.com

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Cik Juliet Wong
Penolong Naib Presiden
Jabatan Komunikasi dan Penjenamaan
Tel : 03 - 4259 8879
Faks : 03 - 4259 8880
H/P : 012 - 383 0723
Emel : JulietWong@greateasternlife.com

Cik Siti Ruzanna
Eksekutif
Jabatan Komunikasi dan Penjenamaan
Tel : 03 - 4259 8181 samb. 7894
Faks : 03 - 4259 8880
H/P : 019 - 322 4594
Emel : SitiRuzannaMohamedShariff@greateasternlife.com